

23 JUN 2003

I

DAP SELANGOR SERAH MEMORANDUM BANTAH PROJEK INSINERATOR BROGA

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- DAP Selangor hari ini menyerahkan memorandum membantah cadangan projek insinerator di Broga, Selangor kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting.

Delegasi empat anggota DAP Selangor itu yang diketuai setiausaha publisiti kebangsaannya Ronnie Liu, mahu Ong membatalkan kontrak yang diberikan kepada Ebara Corporation dari Jepun bagi melaksanakan projek terbabit.

"DAP Selangor telah menerima banyak aduan daripada penduduk Broga, Beranang, Semenyih dan Kajang yang bimbang sistem pelupusan sampah itu tidak selamat dan memberi kesan buruk kepada kesihatan mereka," kata Liu kepada pemberita selepas membacakan kenyataan tujuh perkara yang terkandung dalam memorandum itu sebelum menyerahkannya kepada Ketua Pengarah Kerajaan Tempatan Datuk Mohamad Saib di kementerian itu hari ini.

Sebagai alternatif kepada insinerator itu, DAP Selangor mencadangkan "kaedah pengurusan sifar sisa" yang digunakan oleh negara maju dilaksanakan bagi menangani timbunan sampah-sarap yang semakin meningkat.

Liu berkata kaedah itu digunakan bagi mengurangkan penghasilan sisa pepejal menerusi kitar dan penggunaan semula.

Pada Perhimpunan Agong Umno ke-54 pada Khamis, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan merancang pembangunan sistem insinerator canggih yang menelan kos RM1.5 bilion di Broga.

Dr Mahathir memberi jaminan bahawa insinerator itu selamat kerana tiada sisa toksid akan dilepaskan.

-- BERNAMA

AT MFJ LAT